

NO. SOALAN : 373

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
7 MAC HINGGA 7 APRIL 2016

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN :

YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH [KUALA TERENGGANU]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat pendapatan rakyat
di lima negeri termiskin di Malaysia mengikut negeri-negeri berkenaan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita mengikut negeri bagi tahun 2014, lima buah negeri yang mempunyai KDNK per kapita terendah, berdasarkan harga semasa, adalah seperti berikut:

| Negeri | KDNK Per Kapita (RM) Juta |
|---------------|--------------------------------------|
| Perak | 24,207 |
| Perlis | 21,084 |
| Sabah | 19,672 |
| Kedah | 17,321 |
| Kelantan | 11,815 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi maklumat pendapatan isi rumah di negeri berkenaan bagi tahun 2014 berbanding tahun 2009 adalah seperti berikut:

A) Pendapatan Isi Rumah

| Indikator | Kelantan | | Kedah | | Sabah | | Perlis | | Perak | |
|---|----------|-------|-------|-------|-------|--------|--------|-------|-------|-------|
| | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 |
| Pendapatan Purata (RM sebulan) | 2,536 | 3,715 | 2,667 | 4,478 | 3,102 | 4,879 | 2,617 | 4,445 | 2,809 | 4,268 |
| % Perubahan* | 7.9 | | 10.9 | | 9.5 | | 11.2 | | 8.7 | |
| Pendapatan Penengah (RM sebulan) | 1,701 | 2,716 | 1,962 | 3,451 | 2,057 | 3,745 | 1,825 | 3,500 | 2,080 | 3,451 |
| % Perubahan* | 9.8 | | 12.0 | | 12.7 | | 13.9 | | 10.7 | |
| Pendapatan Purata Isi Rumah B40 ¹ (RM sebulan) | 997 | 1,577 | 1,049 | 2,060 | 1,020 | 2,045 | 947 | 2,150 | 1,155 | 1,905 |
| % Perubahan* | 9.6 | | 14.5 | | 14.9 | | 17.8 | | 10.5 | |
| Pendapatan Purata Isi Rumah T20 ² (RM sebulan) | 6,312 | 8,657 | 6,250 | 9,886 | 7,823 | 10,976 | 6,440 | 9,451 | 6,527 | 9,261 |
| % Perubahan* | 6.5 | | 9.6 | | 7.0 | | 8.0 | | 7.2 | |

Nota:

¹ Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (isi rumah B40).

² Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20 Peratus Tertinggi (isi rumah T20).

*Perubahan merujuk kepada peningkatan atau penurunan secara purata tahunan bagi tempoh 2009 hingga 2014.

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 2014

B) Jurang Pendapatan Isi Rumah

| Indikator | Kelantan | | Kedah | | Sabah | | Perlis | | Perak | |
|---|----------|-------|--------|-------|--------|-------|--------|-------|--------|-------|
| | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 |
| Jurang Ketidakeimbangan Pendapatan ³ | 0.428 | 0.393 | 0.408 | 0.365 | 0.454 | 0.387 | 0.434 | 0.346 | 0.400 | 0.366 |
| Perubahan | -0.035 | | -0.043 | | -0.067 | | -0.088 | | -0.034 | |

Nota:

³ Jurang ketidakeimbangan pendapatan berasaskan indikator pekali Gini. Sekiranya nilai pekali Gini menghampiri '0' menunjukkan agihan pendapatan yang saksama dan sekiranya menghampiri '1' menunjukkan jurang pendapatan tinggi.

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 2014

C) Insiden Kemiskinan

| Indikator | Kelantan | | Kedah | | Sabah | | Perlis | | Perak | |
|------------------------|----------|------|-------|------|-------|------|--------|------|-------|------|
| | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 | 2009 | 2014 |
| Insiden Kemiskinan (%) | 4.8 | 0.9 | 5.3 | 0.3 | 19.7 | 4.0 | 6.0 | 0.2 | 3.5 | 0.7 |
| % Perubahan | -3.9 | | -5.0 | | -15.7 | | -5.8 | | -2.8 | |

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 2014

Berdasarkan kepada perangkaan tersebut, pendapatan purata isi rumah bagi kelima-lima negeri berkenaan telah meningkat di antara 8.0% hingga 11.0% setahun bagi tempoh 2009 hingga 2014. Manakala pendapatan penengah isi rumah pula telah meningkat di antara 10.0% hingga 13.0% setahun dalam tempoh masa yang sama.

Seiring dengan peningkatan pendapatan, jurang pendapatan dalam kalangan isi rumah di negeri-negeri berkenaan juga didapati semakin mengecil. Ia dapat ditunjukkan melalui penurunan nilai pekali Gini di antara 0.030 hingga 0.090.

Bagi insiden kemiskinan pula, negeri Sabah mencatatkan penurunan kemiskinan tertinggi iaitu 15.7% diikuti Perlis (5.8%), Kedah (5.0%), Kelantan (3.9%) dan Perak (2.8%).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT RAJA DATO' KAMARUL
BAHRIN SHAH [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN : 374

**YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta
PERDANA MENTERI menyatakan apakah pecahan peratus mengikut
kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang berkhidmat di semua
Jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia.**

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2016, pengisian mengikut pecahan peratus kaum di semua Jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia adalah 78.5% Melayu, 5.5% Cina, 3.8% India dan 12.2% lain-lain (Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli Semenanjung, Siam dan lain-lain).

Sekian. Terima kasih.